

**ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN
PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN**

OLEH : ROHANA MOHD. SHARIFF

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

1978 / 79

Istimewa untuk,

Ayah dan ibu yang dikasihi,
Jasa-jasamu terlalu agung disisiku.

Dan

buat,

teman-teman,
seperjuangan dan seiringan jalan,
pada kalian aku terhutang budi,
akan ku ingati,
selagi nadi ini berdenyut,
selagi nafas ini bersahut.

Norhalim Hj. Ibrahim
Jabatan Sains Kemasyarakatan
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor.

ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN
PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN

OLEH

ROHANA MOHD. SHARIFF

Norhalim Hj Ibrahim
Pensyarah
Jabatan Sains Kemasyarakatan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor D. I

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN
KEPUJIAN DI JABATAN PERSURATAN MELAYU.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1978/79

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah,
Yang pemurah lagi maha penyayang.

Saya bersyukur kehadiran Illahi kerana telah dapat menyempurnakan latihan ilmiah ini. Walaupun ia tidak sebaik mungkin, namun saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada mereka yang terlibat^{dalam} usaha menjayakan latihan ilmiah ini. Sumbangan mereka begitu besar ertinya bagi saya.

Pertama-tama ucapan terima kasih ini ditujukan kepada penyelia saya Encik Ismail Hamid, yang telah bersusah payah memberi tunjuk ajar berupa nasihat, pandangan dan pemikiran-pemikiran yang saya sifatkan begitu bermanfaat. Dan kepada kedua ayah ibu dan keluarga, terima kasih atas galakan dan perangsang yang telah diberikan.

Kajian saya melibatkan pertemuan dengan beberapa orang tokoh adat di Rembau. Oleh itu, saya berterima kasih kepada bapa saudara saya Encik Omar b. Yassin yang telah bermurah hati melapangkan sedikit masa membawa saya menemui mereka. Setinggi-tinggi penghargaan saya persembahkan kepada tokoh-tokoh adat itu yang terdiri dari:

- a) Datuk Maharaja Inda Samad b. Hassan,
Datuk Lembaga suku Tanah Datar, sebelah baroh.
- b) Datuk Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman,
Datuk Lembaga suku Paya Kumboh, sebelah darat.
- c) Datuk Perba Abdul Aziz b. Hussein, Ketua
Waris suku Biduanda.

Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka atas kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Tidak lupa juga kepada saudari Mastura bte Itam yang telah sudi menaipkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya jasa-jasa mereka tidak dapat saya lupakan.

Terima kasih.

Daripada,

8 Januari, 1979

Rohana Mohd. Shariff
Jabatan Persuratan Melayu
U.K.M., Bangi.

KANDUNGAN

					Halaman
Penghargaan	...	...	...	...	i
Kandungan	...	...	...	...	iii
BAB I	PENGENALAN				1
	Skop dan objektif kajian	...	...		6
	Metode kajian	...	...	...	10
	Masalah kajian	...	...	...	11
	Latar belakang tempat kajian		...		13
BAB II	POLA-POLA KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH		...		
	Konsep pemimpin dan kepimpinan		...		26
	Konsep pemimpin dan kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih		...		30
	Syarat-syarat menjadi pemimpin		...		32
	Sifat-sifat pemimpin	...	...		34
	Pantang Larang Pemimpin	...	...		36
	Tugas-tugas Pemimpin	...	...		38
	Institusi Kepimpinan	...	...		39
BAB III	ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH				
	Definasi adat	...	...	...	54

Proses perlantikan dan pelaksanaan
adat istiadat

Buapak	...	...	...	56
Lembaga	...	...	...	60
Undang	...	...	...	74

BAB IV ADAT ISTIADAT PERLANTIKAN DAN
PERTABALAN YANG DIPERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN

Kedudukan Yang DiPertuan Besar	...			87
Adat Istiadat Perlantikan dan Pertabalan	...	...		94

BAB V KESIMPULAN

Persamaan dan perbezaan dalam adat istiadat perlantikan pemimpin antara Minangkabau dan Negeri Sembilan				113
Adakah Adat Perpatih bercorak Demokrasi?	...	...		126

LAMPIRAN	...	...	...	132
BIBLIOGRAFI	...	...	...	133

BAB EMPAT

ADAT ISTIADAT PERLANTIKAN DAN PERTABALAN YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

Bab keempat akan ditumpukan pembicaraan berhubung dengan adat istiadat dalam perlantikan dan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar. Meskipun kedudukan Yang DiPertuan Besar di luar dari Adat Perpatih, maksudnya baginda tidak mengamal Adat Perpatih, namun dari segi adat, baginda di~~fl~~lingkungi dengan nilai dan peraturan hukum adat. Dengan kata lain, Yang DiPertuan Besar hanya sebagai lambang kebesaran kerajaan negeri sebab baginda tidak berkuasa ke atas semua daerah kecuali di Sri Menanti.

Susur galur keturunan Yang DiPertuan Besar tidak merupakan ambilan dari suatu suku. Oleh kerana itu, baginda tidak terikat kepada susunan suku yang unilateral atau matrilineal dan tidak menganut sistem eksogami sebagai teras dari suku.⁽¹⁾ Dari perspektif sejarah, pada asalnya jawatan Yang DiPertuan Besar bukan merupakan jawatan yang turun temurun tapi terbentuk dari hasil pemuafakatan Undang Yang Empat. Jadi, calon untuk jawatan ini tidak berasaskan pada keturunan tapi sesiapa sahaja asalkan mendapat persetujuan dari Undang Yang Empat. Amalan cara perlantikan sedemikian tidak sesuai kerana timbul masalah pemilihan calon yang benar-benar berkecukupan disamping memakan masa yang agak lama. Kadang-kadang timbul perebutan

(1) Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, K. Lumpur, 1975, hal. 126.

kuasa di kalangan mereka yang merasa dirinya berhak.

Permasalahan ini tamat apabila termeteri perjanjian di Sri Menanti pada 4hb, Jun 1887,⁽¹⁾ yang menetapkan bahawa jawatan Yang DiPertuan Besar adalah turun temurun dari keturunan Tuanku Antah. Terdapat dua sifat utama iaitu sebagai pemerintah di kawasan Sri Menanti dan ketua negeri bagi seluruh Negeri Sembilan. Kini ternyata, selain dari mempunyai kawasan sendiri, Yang DiPertuan Besar boleh campur tangan atas luak lain dalam perkara yang berkait rapat dengan keadilan, tapi tidak dalam bentuk paling mutlak. Berasaskan pada kedudukan yang bersifat organisasi territorial, Yang DiPertuan Besar memerintah menurut ketentuan-ketentuan yang diletakkan dalam Undang-Undang Perlembagaan Negeri Sembilan tahun 1959. Meneliti dari perlembagaan tersebut terutama bab 3, Perkara 7, Fasal 1, ada menyebutkan peranan dan ciri khusus seorang Yang DiPertuan Besar. Antara penetapan syarat tersebut berbunyi,⁽²⁾

"Hendaklah ada seorang Yang DiPertuan Besar bagi negeri ini untuk menjalankan kewajiban-kewajiban dan kuasa-kuasa seorang raja mengikut Perlembagaan ini dan kedudukan tarafnya hendaklah terkanan sekali daripada orang-orang lain dalam negeri ini".

(1) Ibid, hal. 126.

(2) Perlembagaan Negeri Sembilan tahun 1959, bab III, VII, XI dan LXXIX. (Petekan dari Abdullah Siddik, ibid, hal. 127).

Dalam Fasal 2, ditentukan pula bahawa,

"Yang DiPertuan Besar itu hendaklah seorang yang dipilih oleh Undang Luak Sungei Ujong, Undang Luak Jelevu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau mengikut secara yang dipersyaratkan kemudian dari ini dan mengikut adat istiadat negeri ini".

Dalam Fasal 3, menyatakan,

"Tiada boleh dipilih siapa-siapa menjadi Yang DiPertuan Besar bagi negeri ini melainkan ia seorang Melayu laki-laki yang sempurna, akal dan memeluk agama negeri ini dan anak di dalam nikah yang berketurunan daripada Raja Radin Ibn Raja Lenggang mengikut pihak sebelah laki-laki".

Dengan perjanjian ini, maka terbentuk kerajaan Negeri Sembilan, diketuai oleh seorang anak raja bergelar Yang DiPertuan Besar. Sesuatu yang jelas, susur galur keturunan pemerintah sudah ditetapkan iaitu dari keturunan Raja Radin dan bercorak patrilineal. Begitu juga dengan peranan Undang Yang Empat, mereka berkuasa penuh dalam melantik seorang Yang DiPertuan Besar yang baru.

Untuk perbincangan lebih sempurna, agak perlu dimasukkan titik tolak asal usul Yang DiPertuan Besar kerana fakta sejarah telah membuktikan bahawa raja dan rakyat Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau. Tegasnya, sejak abad kelapan belas, Negeri Sembilan

telah ada hubungan dengan Negeri luar.

Asal-Usul keturunan Yang DiPertuan Besar

A. Samad Idris dan sarjana lain⁽¹⁾ sering memperkatakan tentang keiratan hubungan Negeri Sembilan dan Minangkabau hingga ke hari ini. Kita masih percaya ada antara penduduk Negeri Sembilan yang sering berulang alik ke Minangkabau. Selain dari itu, kita tidak dapat nafikan juga bahawa pernah suatu masa dulu Negeri Sembilan di bawah jajahan Johor dan pengaruh Bugis.⁽²⁾ Negeri Sembilan sering menerima ancaman dari orang Bugis, pimpinan Daeng Kemboja. Meskipun institusi kepimpinan Datuk Undang telah wujud tapi mereka gagal untuk mencipta kedamaian. Bertolak dari sini, mereka bermuafakat untuk menjemput seorang anak raja Minangkabau dari Pagar Ruyong untuk dijadikan raja di Negeri Sembilan. Hasrat mereka tercapai segera bila Raja Johor sendiri tidak menunjukkan sikap bertanggungjawab apatah lagi untuk bertindak menghapuskan ancaman-ancaman tersebut.

Sebagai lanjutan dalam proses ke arah mencapai matlamat itu, Datuk Undang menghantar ekspedisi pimpinan Panglima Bandon dan Bandut ke Pagar Ruyong. Raja Minangkabau pada ketika itu bergelar Sri

(1) M. Rasyid Manggis Datuk Radjo Penghoeloe, "Hubungan Sejarah Negeri Sembilan ke Minangkabau". Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.

(2) A. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, hal. 22.

Maharaja DiRaja Sultan Muning Shah I menyetujui rancangan utusan dari Negeri Sembilan itu, lalu menghantar anaknya Raja Mahmud. Sebelum keberangkatan Raja Mahmud, baginda mengutus seorang dari Orang Besar Istana bernama Raja Khatib untuk merintis jalan dan menyediakan kelengkapan bagi menyambut ketibaan Raja Mahmud nanti. Raja Khatib kemudian berpaling tadah, mengakui dirinya anak raja utusan dari Pagar Ruyong. Beliau berjaya mempengaruhi Penghulu Naam iaitu Penghulu Ulu M_uar dan mengahwini pula anak perempuannya, Warna Emas.

Sementara itu, Raja Mahmud bergelar Raja Melewar bersama ekspedisinya tiba ke Negeri Sembilan pada tahun 1773. Beliau sempat singgah di Siah dan Sri Indrapura selain dari menentang angkatan Bugis di Naning. Dari Naning, Raja Melewar ke Rambau dan ditabalkan menjadi raja di Negeri Sembilan di Kampong Penajis.⁽¹⁾ Di sini, timbul perbilangan adat;

"Tanah kerajaan di Penajis,
Tanah Mengandung di Sri Menanti".

Kerajaan Raja Melewar tidak mendapat pengiktirafan dari Penghulu Naam malah timbul pertelingkahan kerana masing-masing ingin memerintah. Penghulu Naam tetap memepertahankan menantunya Raja Khatib. Tapi

(1) M. Rasyid Manggis Dt. Penghoeloe, op cit, hal 9
Penajis adalah sebuah kampung bersejarah kerana disinilah juga dua orang anak raja yang setelah Raja Melewar mangkat, ditabalkan sebelum berangkat ke Sri Menanti.

kebenaran tetap mengatasi segala-galanya, di mana Penghulu Naam menyerah kalah setelah Raja Khatib meninggal dunia. Walaupun keamanan sudah wujud, tapi Raja Melewar masih menetap di Penajis sehingga datang satu rombongan lain menjemputnya ke Sri Menanti. Sambutan rakyat penuh dengan adat istiadat Raja-Raja Melayu seperti dinobat kesekeliling negeri, dengan iringan Undang Yang Empat. Penghulu yang Sembilan, Datuk Lembaga, Buapak dan juak-juak hulubalang ke Sri Menanti. Peristiwa ini menjadi titik permulaan orang-orang Minangkabau datang ke Negeri Sembilan bersama-sama dengan raja mereka. Jadi, perbilangan adat seperti.....

"Beraja ke Johor,
Bertali ke Siak
Bertuan ke Minangkabau"

sudah begitu tepat kebenarannya. 'Bertuan' ke Minangkabau bererti anak-anak raja dijemput dari Pagar Ruyong untuk ditabalkan menjadi Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan. Bermula dari Raja Melewar hingga ke generasi ketiga, anak Raja Pagar Ruyong silih berganti memegang jawatan tersebut. Tapi, selepas kemangkatan Raja Lenggang, Undang Yang Empat tidak pergi ke Pagar Ruyong tapi sebaliknya melantik Raja Radin iaitu anak Raja Lenggang hasil perkahwinannya dengan Tunku Puan Ngah. Pendek kata, keturunan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan sekarang adalah berpunca dari Raja Radin termasuk seorang wanita iaitu Tengku Ampuan Intan yang pernah menjadi pemangku raja.

Pengambilan anak raja tempatan tapi masih berketurunan Minangkabau merupakan suatu langkah yang bijak kerana Datuk Undang tidak bersusah payah ke Minangkabau yang harus pula menimbulkan masalah lain. Di bawah ini akan saya perturunkan susur galur Raja-raja yang memerintah Negeri Sembilan sejak Yang DiPertuan Pertama. ⁽¹⁾

Susur Galur Keturunan	Tahun Memerintah
1. Raja Melewar	1773 - 1795
2. Raja Hitam	1795 - 1808
3. Raja Lenggang	1808 - 1824
4. Raja Radin	1824 - 1861
5. Yamtuan Imam	1861 - 1869
6. Tangku Ampuan Intan (pemangku)	1869 - 1872
7. Yamtuan Antah	1872 - 1888
8. Tuanku Muhammad	1888 - 1933
9. Tuanku Abd. Rahman	3/8/1933-1/4/1960
10. Tuanku Munawir	5/4/1960-14/4/1967
11. Tuanku Jaafar	18/4/1967-

(1) A. Samad Idris, op. cit, hal 26.

Melihat dari susunan di atas, jelas sekali, jawatan ini turun temurun dari satu keluarga. Walaupun tidak ada hubungan irat kerana tidak semesti anak dilantik setelah ayahnya mangkat sebagaimana berlaku pada pengganti Tuanku Munawir, namun hubungan kekeluargaan masih tetap ada. Sebenarnya, dalam hal ini, Undang Yang Empat bertanggungjawab membuat pilihan.

Adat Istiadat Perlantikan dan Pertabalan Yang DiPertuan Besar

Adat Istiadat Perlantikan

Perlantikan Yang DiPertuan Besar yang ^{baru berlaku apabila YDPB yang} sedia ada mangkat.

Menurut kelaziman sebelum hari permakaman, Undang Yang Empat bertugas mencari bakal pengganti. Menyentuh tentang penentuan calon, ini terpulang pada budi bicara Undang. Kemungkinan pengganti terpilih dari bukan keluarga terdekat pada Yang DiPertuan Besar yang mangkat itu, tapi masih ada pertalian darah seperti adik beradik dan sebagainya. Pengisytiharan nama Yang DiPertuan Besar yang baru hanya dibuat se^ujerus sebelum permakaman. Proses mencari giliran tidak memakan masa agak lama tapi begitu rumit.

Apabila Yang DiPertuan Besar mangkat, Tengku Besar sebagai Raja Muda memberitahu terlebih dahulu kepada Serambi Undang⁽¹⁾ sebelum disampaikan kepada Undang Yang Empat. Dalam hal demikian, paling bertanggungjawab sekali ialah Penghulu Ulu Muar yang bertugas membawa berita itu ke pengetahuan Undang Yang Empat. Pemberitahuan pada Datuk Undang juga melalui upacara adat tertentu, terdiri dari satu delegasi, pimpinan Penghulu Ulu Muar yang ditemani oleh wakil dari serambi luak-luak tersebut.⁽²⁾ Di bawah ini, dikemukakan senarai nama-nama Penghulu Ulu Muar berserta Serambi Undang.

Luak	Penghulu Ulu Muar	Serambi Undang
1. Sungai Ujong	Datuk Paduka Besar	Raja Muda (Terachi)
2. Jelebu	Orang Kaya Bongsu	Datuk Lela Raja (Jempol)
3. Johol	Datuk Sri Maharaja	Datuk Andika (Johol)
4. Rembau	Datuk Senara Muda	Paduka Sri Maharaja (Gunung Pasir)

(1) Serambi Undang merupakan tempat persinggahan Datuk Undang sebelum ke Sri Menanti dan terletak di luak Tanah Mengandung.

- a) Serambi Undang Sungai Ujong ialah Terachi
- b) Serambi Undang Jelebu - Jempol
- c) Serambi Undang Johol - Ulu Muar
- d) Serambi Undang Rembau - Gunung Pasir

(2) Wilkinson, R.J., Papers on Malay Subject, Oxford University Press, K. Lumpur, 1971 hal. 380.

Harus diingat, delegasi ini tidak bertemu secara langsung dengan Datuk Undang masing-masing tapi melalui Orang Besar Undang keJohol. Johol tidak boleh diwakili oleh serambinya kerana serambinya adalah Penghulu Ulu Muar, bertugas di istana. Contohnya, delegasi ke Sungai Ujong mesti terlebih dulu menemui Datuk Manduleka, ke Rembau, Datuk Sri Inda Maharaja berbanding dengan Johol di mana mereka boleh terus meneruskan berhubung ke Datuk Undang melalui salah seorang Datuk Lembaganya.

Datuk Undang kemudian berangkat ke Sri Menanti. Mereka terpaksa melalui beberapa upacara adat lagi sebelum sampai ke Sri Menanti iaitu di tempat persinggahan masing-masing. Ini bertujuan untuk memberi peluang pada Datuk Ulu Muar menyediakan keperluan menyambut ketibaan Datuk Undang itu kelak. Ketika tiba di tempat persinggahan, utusan dari Penghulu Ulu Muar beserta serambi berkewajipan memberitahu Penghulu Ulu Muar tentang kedatangan Datuk Undang. Tempat persinggahan Datuk Undang adalah seperti berikut:-(1)

Datuk Undang	Tempat Persinggahan
Sungai Ujong	Terachi
Jelevu	Kampong Bukit (Bukit Kikir) Jempol
Johol	Cheriau
Rembau	Gunung Pasir

(1) Wilkinson, R.J., ibid, hal. 382

Selepas singgah di sini, Datuk Undang berjalan semula tapi tidak terus ke Sri Menanti, masih perlu tempat persinggahan seperti berikut: (1)

Datuk Undang	Tempat Persinggahan
Sungei Ujong	Kampung Selampak
Jekebu	Kampung Buyu
Johol	Kampung Bukit
Rembau	Bukit Tempurung

Di dapati dua tempat persinggahan sebelum Datuk Undang benar-benar tiba ke Sri Menanti. Tatkala di sini, Datuk Baginda Maharaja iaitu Ketua Lembaga Ulu Muar melawati Datuk Undang sambil berbincang tentang penetapan hari dan tarikh pemakaman dan perlantikan Yang DiPertuan Besar yang baru. Dalam masa yang sama juga, tempat ke kediaman khas dengan reka bentuk istimewa untuk Datuk Undang dibina berhampiran Balai Penghadapan. Tidak seorangpun ketua-ketua adat boleh menduduki tempat ini selain dari Datuk Undang. Ada nama-nama tertentu. (2)

(1) Wilkinson, R.J., ibid, hal. 382

(2) ~~Wilkinson R.J.~~, ibid, hal 382.

- 1) Balai Melintang untuk Datuk Kelana Sungai Ujong
- 2) Balai Serong - Datuk Undang Jelebu
- 3) Balai Bertingkat - Datuk Undang Johol
- 4) Balai Panjang - Datuk Undang Rembau

Permulaan memilih dan pengisytiharan Yang DiPertuan Besar dibuat apabila Datuk Undang bersiap sedia di tempat masing-masing. Pemilihan calon berasaskan pada latar belakang keturunan dan kebaikan tingkah laku. Dengan kata lain, calon-calon mestilah sempurna dalam apa segi sekalipun. Hooker,⁽¹⁾ mengklasifikasikan calon-calon mengikut keturunan. Calon-calon yang layak terdiri dari mereka yang ada hubungan kekeluargaan dengan Yang DiPertuan Besar yang mangkat itu, dikira dari sebelah pihak bapa iaitu

- a) Adik beradik Yang DiPertuan Besar
- b) Bapa saudara Yang DiPertuan Besar
- c) Cucu lelaki
- d) Anak lelaki dari adik beradik lelaki
- e) Anak lelaki dari bapa saudara

(1) Hooker M.B., Reading in Malay Adat Laws, Singapore University Press, 1970, hal. 340.

Mereka tersebut di atas berhak mewarisi jawatan Yang DiPertuan Besar. Di suatu masa dulu, jika tiada penemuan calon tempatan yang benar-benar layak, Datuk Undang akan merujuk ke Sumatera, melantik anak raja dari Pagar Ruyong. Dalam salasilah struktur pemerintahan sekarang umpamanya, Tuanku Jaafar, adik Tuanku Munawir mengikut salasilahnya belum berhak mewarisi tapi kerana anak lelaki Tuanku Munawir tidak layak, maka dilantik Tuanku Jaafar.

Apabila calon memenuhi syarat dan tidak ada bangkangan antara empat Undang, maka pengisytiharan nama Yang DiPertuan Besar akan dibuat oleh Datuk Kelana Sungai Ujong kerana beliau adalah Datuk Undang yang terkanan dan tertua. Dalam sebarang upacara adat, beliau sering mendahului Datuk Undang yang lain dan mendapat keistimewaan. Selepas ini, Yang DiPertuan Besar yang baru itu mengambil tugas dari Datuk Undang dalam menyempurnakan istiadat permakaman.

Adat Istiadat Pertabalan

Dalam upacara pertabalan, terdapat dua istiadat lain, iaitu istiadat bersiram dan hari penabalan yang sebenarnya. Hari pertabalan Yang DiPertuan Besar merupakan hari cuti umum bagi rakyat Negeri Sembilan, bertempat di Balai penghadapan. Penyelenggaraan segala persiapan seperti pengurusan makanan untuk rakyat yang datang menyaksikan dan memasang alat-alat kebesaran di sekitar kawasan istana terpulang kepada Dewan Keadilan dan Undangan. Upacara ini di namakan

'mendirikan adat'. Alat-alat kebesaran terdiri dari,⁽¹⁾

16 payung kuning

8 bilah keris

8 pedang

8 tombak

16 bendera Negeri Sembilan

dan merual terkembang dipegang oleh juak-juak istana, berwarna kuning, hitam dan merah. Inilah tiga warna adat yang dibawa dari Pagar Ruyong. Di Minangkabau sendiri sehingga kini jadi lambang sifat pimpinan menurut adat.⁽²⁾ Keempat-empat Datuk Undang dan Datuk Lembaga masing-masing dikehendaki hadir. Mereka tinggal di telapakan masing-masing yang namanya telahpun tersebut.

Adat Istiadat Bersiram

Baik Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan maupun Raja-Raja Melayu lain, lazimnya mesti mengalami istiadat bersiram⁽³⁾ sebelum menghadapi upacara pertabalan sepenuhnya. Ini dilakukan di tempat dipanggil 'Panca Persada'. Antara lain bertujuan untuk mensucikan

(1) Nordin Selat, op cit. hal. 147.

(2) M. Rasyid Manggis Datuk Penghoeloe, op cit. hal 18.

(3) Istiadat bersiram disebut juga istiadat mandi atau berlangir.

tubuh baginda kedua. Sebagai langkah permulaan, Yang DiPertuan Besar dan Tengku Ampuan menaiki kenderaan khas bergelar Maharaja Diraja, ditarik oleh Pegawai Sembilan Puluh Sembilan, menuju ke Panca Persada yang biasanya terletak di luar balai penghadapan.

Para pengiring ada susunan tertentu⁽¹⁾ orang-orang bergelar terdiri dari pegawai-pegawai istana, Panglima Sutan Laksamana dan Antara mengiringi baginda di hadapan. Mereka membawa senjata dan alat kebesaran. Kemudian diikuti dengan barisan dari Penghulu Luak Tanah Mengandung iaitu Datuk Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir, para pemain muzik, pembawa alat kebesaran dan Orang Empat Istana. Pengapit kiri kanan kenderaan diraja ialah Tok Kanda dan Tok Gajah dan di belakangnya Tok Mangku. Para pengiring seterusnya terdiri dari keluarga diraja dan orang ramai.

Perlaksanaan Istiadat

Kedudukan para pemain peranan di pentas panca persada juga punya struktur tertentu. Yang DiPertuan Besar dan Tengku Ampuan menduduki Panca Persada paling teratas sekali yang biasanya dibina tujuh tingkat. Berdiri di belakang Panca Persada ialah pembawa payung kuning, Orang Empat Istana Datuk Akhir Zaman yang memegang batil perak dan Penghulu luak Tanah Mengandung berdiri di kiri-kanan

(1) Nordin Selat, op cit, hal. 148.

setiap anak tangga naik ke pentas. Duduk di tangga teratas ber-
sendirian dan berpakaian serba hitam ialah Laksamana iaitu salah
seorang anggota Pegawai Sembilan Puluh Sembilan dari suku Sri
Semelenggang, berperanan melakukan penyiraman. Apabila kedudukan
masing-masing sudah tetap, maka upacara bermula dengan Empat Orang
Istana membawa batil dan loyang mengelilingi pentas sebanyak tujuh
kali. Apabila selesai, seorang demi seorang dari kumpulan Orang
Empat Istana tadi dan Penghulu-penghulu Tanah Mengandung naik ke
pentas berhadapan dengan Yang DiPertuan Besar sambil menyerahkan
batil berisi bedak limau. Setiap penyembahan, kedua baginda akan
mencecahkan tangan kedalamnya. Upacara ini berakhir dengan bersiram
dan bacaan doa selamat. Peringkat pertama dalam istiadat pertabalan
berakhir setakat ini.

Istiadat Pertabalan

Adat istiadat pertabalan kerap kali berlangsung di balai
Penghadapan pada hari yang sama, beberapa jam selepas menjalani adat
bersiram.⁽¹⁾ Penggunaan alat-alat kebesaran melambangkan kekuasaan
kerajaan masih tetap digunakan cuma komposisinya agak berbeza dari
yang digunakan dalam adat bersiram. Antara alat tersebut termasuklah,⁽²⁾

(1) Nordin Selat, ibid, hal 148

(2) Wilkinson, R.J., op cit, hal 382

8 pedang rambu
8 keris panjang
8 lilin
8 kendi air
tepak sirih
1 salinan Wuran

dan bekas-bekas kecil berisi air bercampur darah, air yang berisi peluru di dalamnya dan air yang dicampurkan dengan 'beras tulin' (pure rice). Barang-barang ini dianggap suci dan bebas dari pengaruh syaitan.

Perlaksanaan Adat

Acara bermula dengan kedatangan para jemputan dan masing-masing mengambil tempat duduk yang telah ditetapkan oleh dua orang bentara. Tapi kemasukan mereka yang bergelar^{ada} cara tertentu menurut taraf kedudukannya. Mengikut aturan adat, Empat Lembaga Ulu Muar⁽¹⁾ atas perintah Orang Empat Istana menjemput Undang Yang Empat beserta

(1) Empat Lembaga Ulu Muar ialah

- a) Datuk Paduka Besar
- b) Datuk Sri Maharaja
- c) Datuk Senara Muda
- d) Datuk Orang Kaya Bongsu.

pengikut-pengikutnya masuk ke dewan mengikut giliran, bermula dengan Undang Rembau, Johol, Jelebu dan Sungai Ujong. Orang Empat Istana kemudian mengambil tempat sambil membawa tilam kuning untuk diletakkan di singgahsana. Warna kuning menghiasi ruang tempat duduk baginda.

Dalam suasana penuh ketenangan, Empat Orang Istana menyambut ketibaan Yang DiPertuan Besar, yang diiringi oleh Apit Lempang Istana, Putera-putera Istana dan Tengku Besar Tampin. Tengku Ampuan pula mengikuti dari belakang, iringan inang-inang istana. Kedua baginda duduk di atas singgahsana.

Upacara adat pertama ialah mempamer alat-alat kebesaran kerajaan. Panglima Raja berdiri di sebelah kanan Yang DiPertuan Besar menyandang tombak besar dan Panglima Sultan berdiri di sebelah kiri sambil memegang pedang diraja. Di hadapan mereka, dua orang Laksamana menyandang alat kebesaran yang sama. Juak-juak hulubalang berdiri di hadapan Laksamana memegang 8 tombak berambu, 8 lilin, 8 kendi air yang berfungsi sebagai simbol kekuasaan.

Acara seterusnya, mengeluarkan senjata-senjata dari kain pembungkus berwarna kuning, payung kuning diraja dikembangkan, lilin dipasang, kendi air serta tepak sirih diangkat tinggi untuk perhatian para jemputan. Quran dan bahan-bahan suci tersebut di atas diletakkan di hadapan yang DiPertuan Besar. Pada saat ini bau kemenyan memenuhi setiap sudut balai penghadapan. Peraturan adat seperti ini berfungsi

seolah-olah untuk menunjukkan pada umum akan kesucian sahsiah Yang DiPertuan Besar itu.⁽¹⁾ Selain dari itu, bahan saperti air bercampur darah dan Quran merupakan sesuatu yang suci murni, tidak boleh dipermainkan oleh sesiapa juapun. Dalam hal ini, baginda diibaratkan saperti barang tersebut, rakyat atau pembesar mesti mematuhi perintah raja.

Dalam suasana keheningan, Datuk Kelana berdiri dan mengarahkan kata-kata kepada Bentara Kanan,⁽²⁾

"Hai! Bentara Kanan, serukan kata kami Undang Yang Empat kepada sekalian rakyat tua muda, kaya miskin, hina dina dalam alam Negeri Sembilan ini. Adapun pada hari ini, kami mengerjakan (nama Yang DiPertuan yang baru), naik di atas takhta singgahsana kerajaan Negeri Sembilan dan kita sekalian menjunjung duli dan iaitu menggantikan Sri Paduka ayahandanya yang telah mangkat dan telah dijadikan oleh Undang Yang Empat pada masa sebelum dimakamkan Sri Paduka ayahandanya (hari dan tarikh permakaman)".

Menjawab seruan Datuk Kelana, Bentara Kanan berdiri satu kaki dengan tapak kaki kanan dilutut kaki kiri sambil berseru,⁽³⁾

(1) Wilkinson, R.J., ibid. hal 382

(2) Nordin Selat, op Cit, hal 149

(3) ibid, hal 149

"Hai tuan-tuan sekalian mulia dan hina, besar dan kecil, tua dan muda adalah Undang Yang Empat dengan adat istiadat menabalkan Yang DiPertuan Besar (~~nama~~. baginda), naik di atas takhta singgahsana kerajaan Negeri Sembilan".

Bentara Kanan selaku jurucakap dalam upacara ini. Petikan di atas memperlihatkan kedua baginda sudah resmi menjadi ketua negara. Para tetamu kecuali bukan Melayu melaungkan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali. Selepas itu, Sri Amar Diraja, salah seorang Orang Empat Istana membakar kemenyan dan membaca doa selamat. Selesai upacara peresmian, maka diadakan pula upacara penyembahan.

Upacara Penyembahan

Sepanjang perlantikan pemimpin masyarakat Adat Perpatih, kita tidak lepas dari menemui upacara penyembahan. Sesungguhnya, upacara ini amat penting sebagai satu tanda ta'at setia rakyat pada pemerintah-nya. Di peringkat tertinggi, masih ada penyembahan tapi di kalangan pembesar sahaja tanpa melibatkan rakyat jelata.

Mendahului upacara ini ialah Datuk Kelana Sungai Ujong apabila Datuk Bentara Kanan memerintah, ⁽¹⁾

"Hai, Datuk Kelana Putera yang memerintah
luak Sungai Ujong, titah dipanggil".

(1) Wilkinson, R.J. op cit, hal 384

Kemudian diikuti oleh Undang Jelebu, Johol dan Rembau. Cara penyembahan antara Datuk Undang dengan pihak lain agak berbeza. Kelainan terletak pada cara melangkah dan perulangan menyembah. Misalnya bagi pihak Undang sesudah nama masing-masing disebut, mereka mengangkat sembah tujuh kali di setiap anak tangga singgahsana, mencium tangan baginda tiga kali dan berundur ke belakang berdiri sambil mengangkat sembah lima kali sebelum ke tempat duduknya. Tapi, di pihak Datuk Syahbandar dan ketua adat yang lain, terdiri dari Datuk Lembaga dari empat luak menyembah secara sembilan kali pergi dan tujuh kali semasa berundur tanpa mencium tangan. Struktur giliran dalam upacara penyembahan adalah seperti berikut.⁽¹⁾

- 1) Penyembahan dari Datuk Undang Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau.
- 2) Penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung iaitu Datuk Ulu M̄jar, Datuk Terachi, Datuk Jempol, Datuk Gunung Pasir, Datuk Inas, Datuk Gemenchen, Datuk Air Kuning dan Datuk Muda Linggi.
- 3) Komposisi Datuk Lembaga dari empat luak.

(A) 4 Lembaga Sungai Ujong

- i) Datuk Mendika
- ii) Datuk Sri Maharaja Diraja
- iii) Datuk Akhir Zaman
- iv) Datuk Amar Setia

(1) Wilkinson, R.J., ibid hal. 384.

(B) 4 Lembaga Jelebu

- i) Datuk Menteri
- ii) Datuk Miang
- iii) Datuk Cincang
- iv) Datuk Senara

(C) 4 Lembaga Johol

- i) Datuk Raja Balang
- ii) Datuk Mendika
- iii) Datuk Raja Senara
- iv) Datuk Baginda Raja

(D) 8 Lembaga Rembau

Daerah Baroh

- i) Datuk Merbangsa
- ii) Datuk Gempa Maharaja
- iii) Datuk Bangsa Balang
- iv) Datuk Samsura Pahlawan

Daerah Darat

- i) Datuk Sri Maharaja
- ii) Datuk Sinda Maharaja
- iii) Datuk Andika
- iv) Datuk Mendika

4) Wakil dari suku-suku waris luak

Sungei Ujong

- i) Datuk Laksamana
- ii) Datuk Panglima Besar
- iii) Datuk Johan
- iv) Datuk Lela
- v) Datuk Panglima Muda

Jelebu

- i) Datuk Umbi
- ii) Datuk Raja Balang
- iii) Datuk Paduka
- iv) Datuk Majinda

Johol

- i) Datuk Baginda Tan Mas

Rembau

- i) Datuk Shahbandar
- ii) Datuk Mengkubumi
- iii) Datuk Menteri Lela Perkasa
- iv) Datuk Raja diraja
- v) Datuk Perba

Selesai penyembahan para pemimpin di atas, upacara penutup majlis pertabalan biasanya diiringi bacaan doa,⁽¹⁾

(1) Nordin Selat, op cit, hal 151.

"..... Ya Allah! Ya Tuanku! kita memohonkan kehadiran Tuhanku akan taufik dan hidayat bagi kita dan tuan penghulu kita (papa.Yang.DiPertuan.Besar)
Hai, Tuhanku! jatuhkanlah perasaan cinta dan berkasih sayang di antara hatinya dan hati sekalian hamba rakyatnya! Hai, Tuhanku, Jadikanlah kiranya bersemaafakat di antaranya dengan menteri-menteri dan kadhi-kadhinya atas mendirikan ugama Islam. Hai, Tuhanku! perkekalkanlah kiranya pertolongan dan kemenangan serta kemuliaan bagi tuan penghulu kita (papa.Yang.DiPertuan.Besar), dan tinggikanlah sebutannya hingga terkenal bahawa Allah Subhanahu Wataala telah mengangkatkan dia menjadi khalifah yang sempurna dan krniailah akan dia taufik pada perkara memperelokkan negeri, rakyat dan pemerintahan dan jadikanlah sekalian hamba rakyatnya berhidup berlazat cita dengan cahaya kenaikan daulatnya yang tinggi.....".

Para hadizirn meninggalkan balai penghadapan. Biasanya, secara tidak resmi Yang DiPertuan Besar masih lagi menerima penyembahan tapi kali ini dari kerabat diraja. Setiap mereka menyembah bergilir-gilir secara mengangkat tangan ke dahi sebanyak tiga kali.

Demikian upacara pertabalan Yang DiPertuan Besar, berlangsung dengan penuh adat istiadat. Dengan menjalani adat ini, kedudukan Yang DiPertuan Besar benar-benar teguh, diiktiraf oleh rakyat dan kerajaan.

Kesimpulan

Telah diketahui umum, kedudukan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan setanding dengan raja-raja Melayu lain. Baginda dipandang

mulia dan mendapat keutamaan dalam segala segi kehidupannya. Perhubungan antara rakyat dan pembesar dengan baginda harus melalui cara tertentu seperti penggunaan bahasa. Sebagai gambaran ketinggian status raja, terdapat beberapa pantang larang seperti rakyat dilarang berpakaian kuning. Hanya baginda sahaja berhak memakai daster bergelar "Demdam Tak Sudah" iaitu jenis ikatan yang dibawa dari Minangkabau⁽¹⁾ selain dari daster-daster lain seperti 'Pulang Mandi', 'Kacang Dua Helai' dan sebagainya.

Sejak zaman berzaman, rakyat mempercayai, setiap raja Melayu 'berdaulat'. Mungkin, ada kebenarannya. Pernah dikatakan alat kebesaran sejak pemerintahan Raja Melewar ialah berupa sehelai rambut yang dilingkar dalam sebuah batil. Ia tersimpan rapi dalam peti kayu berbalut kain kuning dan terletak atas sebuah almari. Ia masih ada tersimpan dalam bilik peraduan Yang DiPertuan Besar sehingga kini, di tingkat atas sekali di istana Sri Menanti. Hanya Datuk Sri Amar DiRaja sahaja yang boleh membuka peti itu selepas membaca serapah dan menjunjung duli beberapa kali. Inilah yang dikenali sebagai 'Daulat Raja'.⁽²⁾

(1) M. Rasyid. Manggis Dt. Penghoeloe, op cit, hal 18.

(2) Ibid, hal 19.

Dalam era di mana pengaruh barat belum berkembang dan keturunan raja masih kuat memegang adat, segala benda luar biasa dianggap mempunyai kuasa ghaib adalah kepunyaan baginda dan mesti diserahkan kepadanya seperti batu permata, binatang dan anak haram. (1) Anak haram dan ibunya tinggal di istana dan menjadi hamba raja. Raja bebas mengadakan keramaian sekalipun termasuk upacara menyabung ayam dan berjudi.

Kesimpulannya, Yang DiPertuan Besar punya banyak keistimewaan sama seperti pemimpin lain seperti Datuk Undang, Datuk Lembaga dan Buapak cuma baginda tidak mengamali adat Perpatih cara keseluruhan.

(1) Nordin Selat, op cit, hal. 147

LAMPIRAN 1

SENARAI PENYANDANG-PENYANDANG
PUSAKA UNDANG REMBAU

BIL	TAHUN	NAMA	WARIS	KAMPUNG
1.	1540-1555	Datuk Lela Maharaja Seri Rama	Jakun	Kota
2.	1555-1605	Datuk Ombo	Jawa	-
3.	1605-1620	Datuk Lenggang	Jakun	Kota
4.	1620-1645	Datuk Pandak	Jawa	Kg. Tengah
5.	1645-1660	Datuk Uban (Puteh kepala)	Jakun	Kg. Chengkau
6.	1660- ?	Datuk Sagah	Jawa	-
7.	?	Datuk Kurap	Jawa	-
8.	? -1750	Datuk Sabat	Jawa	-
9.	1750-1790	Datuk Lulinsoh	Jakun	Kg. Chengkau
10.	1790-1795	Datuk Pekak	Jawa	Kg. Tengah
11.	1795-1812	Datuk Kusil	Jakun	Kg. Tebat
12.	1812-1819	Datuk Bogok	Jawa	Kg. Bukit
13.	1819-1838	Datuk Ngenit	Jakun	Kg. Chengkau
14.	1838-1871	Datuk Akhir	Jawa	Kg. Pulau
15.	1871-1883	Datuk Hj. Sahil	Jakun	Kg. Chengkau
16.	1883-1905	Datuk Serun b. Saidin	Jawa	Kg. Tengah
17.	1905-1922	Datuk Hj. Sulong Miah	Jakun	Kg. Gadung
18.	1922-1938	Datuk Abdullah b. Hj. Dahan	Jawa	Kg. Tanjung
19.	1938-1962	Dt.Hj.Ipap b. Abdullah	Jakun	Kg. Kota
20.	1963-	Dt.Hj.Adnan b. Maah	<u>Jawa</u>	Kg. Bukit

Petikan dari A. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Utusan Melayu. K.L. 1968.

* Senarai ini tidak begitu tepat terutama pada tarikh dan nama
kerana tiada peringatan bertulis dijumpai.

Bibliografi

Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Percetakan Utusan Melayu, K. Lumpur 1968.

Abdul Rahman b. Mohammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, K. Lumpur 1964.

Abbas b. Hj. Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan dan Adat Istiadatnya, Percetakan Pertama, Kerajaan Johor, 1953.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, K. Lumpur, 1975.

A.M. Datuk Maruhun Batuah & D.H. Bagindo Tanameh, Hukum Adat dan Adat Minangkabau, Penerbit N.V. Poesaka Aseli, Djakarta, 1957.

Gould & Kolb, A Dictionary of Sosial Sciences, Tavistock Publication, London 1964.

Hooker, M.B., Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, K. Lumpur, 1972.

Hooker, M.B., Reading in Malay Adat Laws, Singapore University Press, Singapura, 1970.

Josselin de Jong, P.E., Minangkabau and Negri Sembilan, The Hague, 1951.

Lister, Martin The Negri Sembilan, Their Origin and Constitution, Government Printing, Singapore. (JSBRAS, vol. XIV, 1887).

M.D. Mansoer, Sedjarah Minangkabau, Bhratara, Djakarta, 1970.

M.A. Hanafiah (Prof), Tinjauan Adat Minangkabau, 1970.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1975.

Syed Hussein Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampong di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1977.

Swift, M.G. Malay Peasant Society in Jelebu, The Anthlone Press, New York, 1965.

Wilkinson R.J., Papers on Malay Subject,
Oxford University Press, K. Lumpur, 1971.

Rujukan dari thesis dan Kertas Kerja

Kamariah Sabih, "Penyesuaian dalam Adat Perpatih"
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Saster (B.A.)
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1967.

Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara",
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Sastera (M.A.)
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1969.

Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih,
Anjuran Majlis Belia Negeri,
Seremban, Negeri Sembilan yang berlansung pada 10 - 12 April, 1974.

Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.